

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA DEPAN

# KJ menteri tunggal kendali COVID-19

Oleh Roselan Ab Malek  
bhnews@bh.com.my

**Bera:** Semua urusan berkaitan strategi kesihatan dan operasi menangani COVID-19 termasuk program vaksinasi akan dikendalikan sepenuhnya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang diterajui menteri baharunya, Khairy Jamaluddin.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang kini diterajui bekas Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba pula akan memfokuskan kepada bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghasilkan vaksin keluaran tempatan dalam menangani wabak berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata proses pengurusan vaksin hanya akan dikendalikan KKM dan ti-

dak akan membabitkan campur tangan kementerian lain seperti sebelum ini.

"Jika dahulu ada dua kementerian berkaitan (COVID-19) iaitu KKM dan MOSTI selain ada jawatankuasa yang dipengerusikan oleh dua menteri, dua Ketua Setiausaha (KSU) dan dua Ketua Pengarah...ini agak sukar kalau masih dua kerana mungkin berbeza daripada pandangan dan sebagainya.

"Selepas ini, semuanya akan diuruskan satu kementerian sahaja iaitu Kementerian Kesihatan," katanya kepada media selepas menyaksikan Eksasais Para Predator Siri 1 Brigid 10 Para Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Kampung Batu Bor, dekat sini, semalam.

**Nasional 2**

## Pesakit kategori 4 dirujuk ke PKRC MAEPS menurun ketara

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jumlah kemasukan pesakit kategori empat ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) menunjukkan penurunan ketara berbanding tiga

minggu lalu.

Pengarah PKRC MAEPS, Dr Shahabuddin Ibrahim, berkata ketika ini, seramai 109 pesakit kategori empat berada di kemudahan itu berbanding purata kemasukan pesakit antara 450 dan 500 pesakit kategori empat sebelum ini.

Katanya, jumlah tertinggi kemasukan pesakit kategori empat

adalah seramai 525 orang pada 8 Ogos lalu.

"Ini menunjukkan pengurangan sangat ketara di sini (PKRC MAEPS) berbanding purata pesakit kategori empat iaitu seramai 450 hingga 500 orang pada tiga minggu lalu.

**Nasional 9**

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

## Pelaksanaan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

## Kilang dibenar sediakan PPV dalam premis

## Dari Muka 1

Ismail Sabri berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pertukaran portfolio antara Khairy dan Dr Adham dalam pengumuman barisan Kabinetnya, kelmarin.

Selain mengetuai MOSTI di bawah pentadbiran bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Khairy juga adalah Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang bertanggungjawab memastikan program imunisasi dilaksanakan dengan teratur.

Setakat kelmarin, sebanyak 61.1 peratus atau 14,297,962 penduduk dewasa di seluruh negara sudah lengkap menerima dua dos vaksin COVID-19.

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) menerusi perkongsian di Twitter memaklumkan, penerima dos pertama pula sebanyak 81.5 peratus atau 19,090,140 orang. Ini menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebang-

saan (PICK) ialah 33,388,102 dos.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, R&D vaksin perlu dipergiatkan agar negara tidak lagi bergantung kepada pengeluaran negara luar.

Selain itu, katanya pengeluaran vaksin di dalam negara juga penting agar bekalan vaksin sentiasa terjamin dan mencukupi, serta melancarkan pengurusan vaksin negara.

"Seperti saya katakan COVID-19 ini akan jadi endemik dan ia akan berada di sekitar kita selama-lamanya seperti denggi dan penyakit lain.

"Jadi vaksin masih diperlukan dan sebab itu saya kata Kementerian Sains dan Teknologi patut fokus pada R&D untuk menghasilkan vaksin daripada Malaysia tanpa kita perlu bergantung kepada negara luar.

"Kalau kita bergantung kepada negara luar dan apabila kes meningkat dengan mendadak, itu yang kadang-kadang boleh melibatkan bekalan (vaksin) agak terjejas," katanya.

Mengenai perkembangan vak-

sinasi, Ismail Sabri berkata, beliau sudah memaklumkan KKM melalui Ketua Pengarahnya, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah supaya kilang terutama yang mempunyai ramai pekerja asing, dibenar untuk mewujudkan pusat pemberian vaksin (PPV) di dalam premis mereka.

Ini menurut Perdana Menteri bagi mengelakkan kejadian kesesakan sebagaimana berlaku di PPV Stadium Nasional Bukit Jalil baru-baru ini sehingga menimbulkan kebimbangan penularan wabak itu kepada individu yang sedang beratur memandangkan aspek berjarakan fizikal tidak dipatuhi.

"Kita juga harap kilang boleh membeli vaksin sendiri kerana ia lebih cepat. Kita telah memaklumkan bahawa mana-mana kilang dengan 80 peratus pekerja telah lengkap dua dos vaksin boleh kembali beroperasi.

"Saya percaya harga vaksin ini tidak semahal jika dibandingkan dengan kerugian yang dialami mereka kalau kilang terus tutup," katanya.

Selain itu, katanya, beliau turut meminta Dr Noor Hisham memperbanyakan PPV pandu lalu, mengambil kira kaedah berkenaan lebih mudah, tidak memerlukan kos yang tinggi untuk dilaksanakan selain penerima vaksin tidak perlu beratur bersama individu lain.

Mengenai cadangan mewajibkan pengambilan suntikan vaksin dalam kalangan penjawat awam, Ismail Sabri berkata, perkara itu belum diputuskan dan setakat ini, belum ada keperluan untuk mewajibkannya.

"Tapi, kalau masih ramai penjawat awam belum mengambil vaksin, kita perlu lebih tegas dan mungkin mewajibkan pengambilan vaksin kerana ini untuk memastikan keselamatan bukan sahaja penjawat awam itu sendiri, tetapi juga orang ramai," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Perubatan dan Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Mohd Hafiz Jaafar, menyifatkan pelantikan Khairy me-

merajui KKM adalah tepat berdasarkan prestasi beliau mengendalikan PICK sehingga mendapat pujian di peringkat antarabangsa.

Selain itu, katanya, Khairy juga cenderung kepada pembuktian dan analisis data epidemiologi sebagai panduan bagi menangani pandemik.

"Justeru, pelantikan Khairy dilihat tepat pada waktunya bagi memastikan program vaksinasi COVID-19 di negara kita dapat diteruskan sehingga mencapai imuniti kelompok," katanya.

Pensyarah Perubatan Kesihatan Awam, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Halimatus Sakdiah Minhat, pula berkata, walaupun Khairy tidak mempunyai latar belakang bidang perubatan seperti Dr Adham, Ahli Parlimen Rembau itu berpengalaman luas dalam pengendalian program vaksinasi negara.

"Saya melihat beliau seorang yang proaktif dan mempunyai misi dalam meneruskan usaha menangani krisis pandemik dengan kerjasama seluruh warga KKM dan rakyat Malaysia," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Kes baharu terus naik kepada 22,597

## Varian Delta dikesan dominasi jangkitan di Sarawak

Oleh Mohd Roji Kawi dan Faris Fuad  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia, semalam merekodkan 22,597 kes baharu COVID-19, meningkat sedikit berbanding kelmarin, iaitu 22,070 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi perkongsian di Facebook rasminya berkata, ini menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini sebanyak 1,685,510.

Katanya, Selangor kekal dengan kes tertinggi iaitu sebanyak 5,814, diikuti Sabah (2,834), Sarawak (2,427), Kedah (2,162) dan Pulau Pinang (1,920).

"Sebanyak 1,896 kes direkodkan di Johor, Kelantan (1,289), Kuala Lumpur (1,111), Perak (1,061), Terengganu (739), Pahang (579), Negeri Sembilan (345), Melaka (269), Perlis (98), Putrajaya (48) dan Labuan (5)," katanya yang dipetik BERNAMA.

Di **Kuching**, varian Delta kini dikenal pasti sebagai varian dominan yang menjangkiti pesakit COVID-19 di Sarawak.

Pengarah Institut Kesihatan dan Perubatan Komuniti (IHC)M Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Prof Dr David Perra, berkata pihaknya membuat penjujukan genom terhadap 220 kes positif pada 17 Ogos lalu.

Daripada jumlah itu, katanya, 179 varian membimbangkan



Orang ramai terus mendapatkan suntikan di Pusat Pemberian Vaksin Dewan Tun Canselor Universiti Multimedia, Cyberjaya.

(Foto Aziah Azmee/BH)

(varian of concern - VOC) dan varian yang diberi tumpuan (varian of interest - VOI) dikesan.

"Daripada jumlah VIC dan VOI itu pula, sebanyak 178 adalah varian Delta (B.1.617.2) dan satu kes VOI Indonesia.

"Hampir semua kes jangkitan di Bahagian Kuching adalah varian Delta iaitu 68 daripada 69 kes," katanya.

Beliau berkata demikian dalam laporan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, semalam.

Mengulas lanjut, Prof Perra berkata, kadar pengesanan yang tinggi terhadap varian Delta juga dikesan di Bahagian Samarahan iaitu 38 kes dan di Bahagian Serian dengan 16 kes.

Selain itu, 20 kes di Bintulu, Sibul (16), Miri (sembilan), Mukah (tujuh), Betong (dua) dan Sarikei (satu).

Sementara itu, Perintah

Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan dilaksanakan di tujuh lokaliti di Sabah dan Pahang, selama 14 hari bermula esok hingga 12 September.

Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Datuk Rodzi Md Saad, berkata keputusan itu dibuat selepas meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19 di lokaliti terbabit.

Beliau berkata, PKPD di Putatan, Sabah membatalkan Taman Ketiau, Platinum Apartment, Taman Teluk Villa dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Sri Serigai.

"Pahang pula di Mukim Hulu Cheka, Jerantut iaitu Kampung Batu Balai, Kampung Congo dan Kampung Perlok.

"Prosedur operasi standard (SOP) bagi semua PKPD sama seperti diumumkan sebelum ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

## Pesakit kritikal di Lembah Klang semakin kurang

Dari muka 1

"Pesakit juga kurang memerlukan bantuan oksigen berbanding dahulu. Alhamdulillah," katanya kepada BH.

Dalam tempoh seminggu kebelakangan ini, beberapa hospital sekitar Lembah Klang yang menjadi pusat rawatan COVID-19 melaporkan penggunaan katil untuk pesakit kritikal semakin berkurangan berbanding awal Julai lalu, yang kebanyakannya mencapai penggunaan kapasiti sepenuhnya.

BH sebelum ini juga melaporkan keadaan semasa di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) dan Hospital Kuala Lumpur (HKL) mengalami trend penurunan kemasukan pesakit COVID-19.

Keadaan itu antara lain membuktikan keberkesanan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), selain keadaan yang terkawal di hospital terbabit.

Sementara itu, Lembah Klang, Labuan dan Sarawak masing-masing merekodkan lebih 80 peratus populasi dewasa lengkap menerima vaksin COVID-19 setakat kelmarin.

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) menerusi perkongsian infografik di Twitter, memaklumkan Labuan mencatatkan 63,750 orang atau 93.1 peratus daripada populasi dewasa lengkap dua dos vaksin.

Seramai 69,613 penduduk dewasa Labuan termasuk penduduk tanpa dokumen dan golongan bukan pemastautin sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Lembah Klang pula merekodkan 5,468,893 orang atau

88.7 peratus daripada populasi dewasa lengkap menerima dua dos vaksin, manakala seramai 6,808,020 lagi termasuk bukan warganegara serta pemastautin sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos.

Kadar vaksinasi Lembah Klang meliputi Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya.

Sarawak pula mencatatkan 1,765,851 orang atau 86.4 peratus daripada populasi dewasa negeri itu lengkap dua dos vaksin, manakala seramai 1,844,333 atau 90.3 peratus menerima dua dos pertama.

Ketika ini, Negeri Sembilan merekodkan 76.4 peratus atau seramai 622,081 orang menerima dua dos, sementara penerima dos pertamanya seramai 762,161 orang atau 93.4 peratus.

Dalam pada itu, kadar kebolehhajitan (Rt) COVID-19 mengikut kes harian bagi Lembah Klang iaitu Kuala Lumpur, Selangor serta Putrajaya; Melaka dan Negeri Sembilan kelmarin, merekodkan penurunan di bawah 1.0 berbanding negeri lain, malah lebih rendah daripada kadar Rt kebangsaan 1.01.

Berdasarkan perkongsian oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, Putrajaya merekodkan bacaan Rt paling rendah iaitu 0.78, diikuti Negeri Sembilan (0.79), Kuala Lumpur (0.83), Selangor (0.96) dan Melaka (0.99).

Pencapaian itu sekali gus memperlihatkan Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya iaitu negeri dalam pemantauan Pasukan Bertindak Khas Greater Klang Valley yang diwujudkan 9 Julai lalu bagi menangani isu berkaitan COVID-19, menampakkan kejayaan dengan penurunan Rt.

**Terkini COVID-19** 19,492 **Pulih, dibenar keluar hospital, semalam** 22,597 **Kes baharu disahkan, semalam** 15,802 **Jumlah kematian dicatat** 1,685,510 **Jumlah kes disahkan positif** 268,548 **kes yang masih dirawat**

AKHBAR : METRO AHAD

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NEGARA

# ANGKARA VARIAN DELTA

Oleh Mohd Roji Kawi  
mdroji@nstp.com.my

## Kuching

Varian Delta kini dikenal pasti sebagai varian dominan yang menjangkiti pesakit Covid-19 di Sarawak.

Pengarah Institut Kesihatan dan Perubatan Komu-

niti (IHCM) Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Profesor Dr David Perera berkata, pihaknya membuat penjujukan genom terhadap 220 kes positif pada 17 Ogos lalu.

Daripada jumlah itu katanya, sebanyak 179 Varian

of Concern (VOC) dan Varian of Interest (VOI) dikesan, yang 178 adalah varian Delta (B.1.617.2) dan satu kes VOI Indonesia.

"Hampir semua kes

jangkitan di Bahagian Kuching adalah varian Delta iaitu 68 daripada 69 kes," katanya

Penjujukan genom dibuat terhadap 220 kes positif pada 17 Ogos lalu

Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, semalam.

Menurutnya, kadar penyesanan yang tinggi terhadap varian Delta juga dikesan di Bahagian Samarahan iaitu 38 dan di Serian

dengan 16 kes.

Dr Perera berkata, peningkatan ketara varian itu turut berlaku di Bintulu dengan 20 kes, Sibu sebanyak 16 kes dan Miri sembilan kes.

"Varian yang sama juga turut dikesan di Mukah iaitu tujuh kes, Betong dua kes dan Sarikei satu kes," katanya.

## Jangkiti sebahagian besar pesakit Covid-19 di Sarawak

## 22,597 kes jangkitan baharu dengan 252 kematian

**Kuala Lumpur:** Kes baharu Covid-19 semalam, mencatatkan sedikit peningkatan apabila merekodkan 22,597 kes.

Ia menjadikan jumlah keseluruhan kepada 1,685,510 kes dengan 268,548 kes aktif dan 252 kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, 468 kes atau 2.1 peratus adalah daripada kategori 3, 4 dan 5 iaitu mengalami radang paru-paru, memerlukan bantuan oksigen serta kritikal.

"Sebanyak 22,129 kes atau 97.9 peratus lagi terdiri daripada kategori 1 dan 2 berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosis Covid-19.

"Ada antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan namun ada juga yang berubah status kesihatan kes sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau me-



Negeri yang mencatatkan nilai RT tertinggi adalah Sarawak dengan 1.23. Enam negeri yang mencatatkan nilai Rt kurang daripada 1.0 ialah Melaka, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Putrajaya dan Labuan"

Dr Noor Hisham Abdullah

rosot ke kategori lebih tinggi.

"Secara keseluruhannya, 17,345 kes atau 76.8 peratus daripada jumlah kes yang dilaporkan hari ini (semalam) tidak lengkap vaksinasi," katanya dalam satu kenyataan.

Dr Noor Hisham berkata,

daripada 22,597 kes dilaporkan, 12 kes adalah kes import manakala 22,585 lagi membabitkan penularan tempatan.

Selangor kekal melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu 5,814 kes diikuti Sabah (2,834 kes) dan Sarawak (2,427 kes).

"Terdapat 986 kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 451 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Kata beliau, 19,492 kes dilaporkan pulih semalam, menjadikan jumlahnya 1,401,492 kes atau 83.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Sebanyak 252 kematian yang dilaporkan membabitkan 215 warga tempatan serta 37 warga asing dengan Selangor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 91 kes diikuti 46 di Johor dan 26 di Kuala Lumpur.

"Ia menjadikan jumlah

kematian kepada 15,802 kes atau 0.92 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

Beliau berkata, data terkini kadar kebolehjangkitan atau *R-naught* (Rt) penularan jangkitan Covid-19 di Malaysia sehingga kelmarin, adalah 1.01.

"Negeri yang mencatatkan nilai RT tertinggi adalah Sarawak dengan 1.23. Enam negeri yang mencatatkan nilai Rt kurang daripada 1.0 ialah Melaka, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Putrajaya dan Labuan," katanya.

Menurutnya, 36 kluster baharu dilaporkan di Johor, Selangor, Kuala Lumpur, Pahang, Sabah, Pulau Pinang, Sarawak, Kelantan dan Perak, semalam.

"Sebanyak 4,674 kluster dilaporkan sehingga kini dengan 3,179 dilaporkan tamat manakala 1,468 masih aktif, setakat hari ini," katanya.

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

# Berkurang 5 kali ganda

Jumlah pesakit Covid-19 perlu bantuan oksigen di PKRC 2.0 MAEPS Serdang makin menurun

Oleh FARAH SHAZWANI ALI

SHAH ALAM

Jumlah pesakit Covid-19 yang memerlukan bantuan oksigen di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Bersepadu (PKRC) 2.0 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang berkurang sehingga lima kali ganda berbanding sebulan lalu.


Perkembangan itu menunjukkan 'sinar' bahawa situasi Covid-19 di negara ini semakin baik.

Pengarah PKRC MAEPS 2.0, Dr Shahabuddin Ibrahim berkata, trend penurunan positif itu berlaku sejak tiga ke empat minggu lalu, dengan jumlah pesakit memerlukan bantuan oksigen hanya 109 orang berbanding 525 orang sebelum ini.

"Rekod yang paling tinggi sebelum ini ialah 525 pesakit yang memerlukan bantuan oksigen iaitu membabitkan pesakit Covid-19 kategori empat.

"Sekarang jumlah pesakit yang kita ada ialah seramai 2,456 orang, dengan 109 pesakit kategori empat dan 1,930 kategori tiga, manakala warganegara seramai 2,324 orang dan bukan warganegara 132 orang.

"Pada 8 Ogos lalu, kita mempunyai seramai 525 pesakit kategori empat dan 1,789 pesakit kategori tiga. Alhamdulillah,



Petugas kesihatan sedang merawat salah seorang pesakit Covid-19 di PKRC 2.0 di MAEPS Serdang.

ini menunjukkan keadaan semakin baik dengan pesakit kategori tiga adalah dominan ketika ini," katanya ketika dihubungi *Sinar Ahad*.

Jelas Dr Shahabuddin, PKRC berkenaan memang bersiap sedia dengan tangki oksigen dan mesin *oxygen concentrator* yang banyak bagi pesakit yang kritikal dengan bantuan daripada Jabatan Kesihatan Selangor (JKS) serta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Bagaimanapun, katanya, memandangkan jumlah pesakit memerlukan bantuan mesin itu semakin berkurang dan keadaan sudah agak lega, sejumlah 470 mesin *oxygen concentrator* diagihkan untuk kegunaan negeri lain seperti Pahang, Johor,

Pulau Pinang, Perlis, Kelantan, Kedah, dan Terengganu.

"Apa yang boleh saya katakan, petugas kesihatan di sini boleh berasa sedikit lega dengan situasi sekarang.

"Ramai petugas kesihatan dari negeri lain yang datang membantu kita seperti dari Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang sudah kembali ke tempat mereka.

"Kita jangka trend penurunan pesakit dan tahap ini akan berterusan dan keadaan akan kembali lebih baik untuk tempoh dua ke tiga minggu lagi," ujar beliau.

Penurunan positif itu, katanya, membuktikan keberkesanan pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK). Beliau mengharapkan semua pegawai serta kakitangan sentiasa terus bersemangat untuk memerangi pandemik Covid-19.

LAPORAN MUKA DEPAN



DR MUHAMMAD

Tiada keperluan aktifkan katil tambahan

SHAH ALAM - Tiada keperluan untuk mengaktifkan 112 katil tambahan yang ditempatkan di Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HPUPM) setakat ini.

Pengarah HPUPM, Profesor Madya Dr Muhammad Mohd Isa berkata, katil sedia ada masih mencukupi untuk menampung kemasukan harian pesakit Covid-19.

"Di HPUPM, kita menyediakan 156 buah katil untuk pesakit tahap empat dan lima. Setiap hari kita akan terima lebih kurang 20 hingga 30 pesakit.

"Jadi, walaupun kita menerima pesakit ini setiap hari, namun keperluan untuk mengaktifkan katil tambahan masih belum dibuat," katanya.

Sebelum ini seorang doktor di Lembah Klang mendapati kemasukan pesakit Covid-19 warga emas di negara ini telah mulai menurun.

Menerusi perkongsian tulisan di Facebooknya, beliau berkata, jumlah kemasukan pesakit warganegara juga mulai menurun dan majoriti yang hadir ke hospital adalah warga asing.

Mengulas lanjut, Dr Muhammad berkata, meskipun ada sesetengah hospital sekitar Lembah Klang sudah kurang menerima pesakit Covid-19, tetapi masing-masing perlu bersiap sedia dalam tempoh dua minggu.

"Kita tidak boleh nak menarik nafas lega lagi. Kita tak pasti dalam masa dua minggu ini kemungkinan sektor ekonomi bakal dibuka, kadar kebolehhajatan Covid-19 juga mungkin boleh berla-ku," ujar beliau.

## Belum boleh tarik nafas lega

SHAH ALAM - Seorang petugas di sebuah hospital Lembah Klang yang bertanggungjawab menyalia wad bagi pesakit Covid-19 memaklumkan, berlaku sedikit pengurangan kes kemasukan pesakit di wad biasa jika dibandingkan pada dua bulan lepas.

Dia yang enggan namanya disiarkan berkata, meskipun tidak begitu ketara iaitu sekitar lima peratus sahaja, namun sedikit sebanyak ia memberi ruang rehat kepada petugas terlibat.

"Dua bulan lalu keadaan di dalam wad sangat teruk. Contohnya jururawat yang

bertugas, mereka tiada waktu yang tetap untuk berehat dan makan. Kebanyakan mereka memang tidak sempat makan sehingga habis waktu kerja.

"Sekarang ada sedikit pengurangan (beban). Jururawat pula ada masa sekurang-kurangnya 15 minit untuk makan, namun bergantung kepada keadaan pesakit yang dijaga ketika itu," katanya.

Tambahnya, meskipun tular keadaan hospital-hospital merawat pesakit Covid-19 yang dikatakan sudah tenang, ia tidak menjadi pengukur kepada keadaan sebenar di lapangan.

"Mungkin ketika video atau gambar diambil, keadaan tidak teruk. Tapi kesesokannya, kembali sibuk. Belum boleh tarik nafas lega lagi.

"Kita tidak mahu situasi itu membuatkan orang ramai alpa dan gagal mengamalkan prosedur operasi standard, kemudian keadaan teruk di hospital kembali berulang," jelasnya.



Keadaan wad pesakit Covid-19 yang ditempatkan di Hospital Kuala Lumpur kini kembali tenang dengan banyak katil kosong.

AKHBAR : SINAR AHAD  
 MUKA SURAT : 5  
 RUANGAN : NASIONAL

# Hanya KKM urus program vaksinasi

MOSTI sebaliknya fokus R&D penghasilan vaksin

Oleh ROSILAWATI ROSEDI

BERA

SEMUA program berkaitan vaksinasi dan strategi kesihatan berkaitan Covid-19 hanya akan dikendalikan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui menteri-nya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Kementerian Sains,

Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang kini diterajui bekas Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba akan memfokuskan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk menghasilkan vaksin wabak berkenaan.

"Jika dahulu ada dua Kementerian berkaitan iaitu KKM dan MOSTI. Agak sukar kerana mungkin berbeza dari segi pandangan.

"Selepas ini MOSTI akan memfokuskan kepada mengeluarkan vaksin sendiri.

"Jika kita boleh mengeluarkan vaksin sendiri, keadaan akan berbeza," katanya pada sidang akhbar sempena lawatan ke Eksesais Para Predator Siri 1/2021 di



Ismail Sabri (tengah) menyaksikan Eksesais Para Predator Siri 1/2021 di Kampung Bukit Bor, Bera pada Sabtu.

Kampung Batu Bor di sini pada Sabtu.

Lawatan itu turut dihadiri Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Affendi Buang dan Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Zamrose Mohd Zain.

Sementara itu, mengenai vaksinasi dalam kalangan

orang ramai termasuk jawat awam, Ismail Sabri berkata, kerajaan belum menetapkan langkah untuk mewajibkannya.

"Saya percaya, suatu hari nanti jika masih ramai enggan menerima vaksin, kita akan tetapkan perkara itu sebagai wajib," jelas beliau.

## Malaysia catat 22,597 kes Covid-19 pada Sabtu

KUALA LUMPUR - Malaysia pada Sabtu merekodkan sebanyak 22,597 kes baharu Covid-19, meningkat sedikit berbanding Jumaat iaitu 22,070 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi perkongsian di Facebook rasminya ber-


kata, ini menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini sebanyak 1,685,510.

Katanya, Selangor kekal dengan kes tertinggi iaitu sebanyak 5,814 kes, diikuti Sabah (2,834), Sarawak (2,427), Kedah (2,162) dan Pulau Pinang (1,920).


"Sebanyak 1,896 kes direkodkan di Johor, Kelantan (1,289), Kuala Lumpur (1,111), Perak (1,061), Terengganu (739), Pahang (579), Negeri Sembilan (345), Melaka (269), Perlis (98), Putrajaya (48) dan Labuan (5)," katanya. - Bernama

### SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

#### KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



#### Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



\*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 28 Ogos 2021

#### JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
1,685,510	1,401,160	986	15,802	22,597	33,388,102

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/NATION

COVID-19 SITUATION

# 'HIGH DEATH RATE MAY POINT TO DATA DISCONNECT'

Patients may not be getting help on time, leading to lower admission rate, says expert

THARANYA ARUMUGAM  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**W**HILE hospitals are reporting a more promising picture in the fight against Covid-19 with a drop in daily admissions and photos of unoccupied beds and empty corridors, a dire Covid-19 situation with record-high deaths and escalating daily new cases are being reported.

Experts are pointing to a possible disconnect between Covid-19 data and real situations on the ground, and that patients may not be getting the help needed on time due to various reasons, which had led to a lower admission rate.

Epidemiologist Professor Datuk Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud of Universiti Malaya said the high number of brought-in-dead (BID) cases indicated that the community spread was far greater than the official infection figures.

"On Feb 1, Malaysia's death rate was 0.35 per cent. On Aug 24, it increased to 0.91 per cent, which is more than double than the figure six months earlier, on the back of very high infection numbers. The number of deaths rose dramatically as a result."

He said death figures needed to be reported and recorded regardless of how many tests were done in a day.

"It (the death rate) is perhaps a

more reliable indicator than just infection numbers alone. So when more deaths are reported, accompanied by an increase in positive rates, it means community spread is greater than the official figures," he told the *New Sunday Times*.

Dr Awang also raised concern over the high proportion of BIDs among migrants, which could point to high community infection rates among them, calling for an urgent need to vaccinate them.

According to the website Our World in Data, up to Thursday, Malaysia had one of the highest daily cases per million people (seven-day rolling average) at 668.17. With a fourfold increase from 164.84 cases per million people on June 26, it is the highest in the region.

Brunei came second on Thursday with 396.10 daily cases per million people, followed by Thailand (268.13), the Philippines (141.05), Vietnam (117.89), Indonesia (59.25), Laos (54.80), Myanmar (46.62), Cambodia (27.67), India (20.67) and Singapore (13.72).

Nationwide, daily Covid-19 cases increased fourfold from 5,586 on June 27 to 22,070 on Friday, while daily deaths increased from 60 cases on June 27 to 339 on

Friday.

According to the Covid-19 Immunisation Task Force, 61.1 per cent of the country's adult population had been fully vaccinated up to Friday, while in the Klang Valley, 88.7 per cent of the adult population had been fully immunised.

New cases, however, continued to spike in Selangor (from 2,212 cases on June 27 to 5,920 on Friday) and Kuala Lumpur (628 cases on June 27 to 1,809 on Friday).

Death rates in Selangor also increased from 20 fatalities on June



27 to 103 on Friday. In Kuala Lumpur, it spiked from 16 deaths on June 27 to 40 on Friday.

Dr Awang Bulgiba, who is the Science, Technology and Innovation Ministry's Covid-19 Epidemiological Analysis and Strategies Task Force chairman, said the increasing number of deaths, including in Selangor and Kuala Lumpur, could be attributed to the newer and more virulent variants.

"Patients might not have been admitted into hospitals and their conditions then worsened rapidly. We do not have post-mortem reports on them, so it is difficult to know what they really died of."

As at Aug 17, Malaysia recorded 467 cases of the highly infectious Delta variant, which had been detected in almost every state.

Dr Awang Bulgiba also said infected people could have dismissed their symptoms as just a common cold or a minor cough and did not get tested, only to have their conditions deteriorating, leading to BID cases.

He said inaccessible locations of medical facilities for those in remote areas could also lead to patients dying at home before they could seek treatment.

"Signs and symptoms of (Covid-19) infection may also have changed, and not instantly recognised as a potential Covid-19 infection."

He also questioned if all migrants, particularly undocumented ones, had been included in the statistics of the population data in the context of vaccination.

"While it looks encouraging on the surface, the target for vaccination is not 80 per cent of adults, but of the entire population, including (undocumented) migrants, which we have not fully covered."

"By this admission alone, we have not truly vaccinated 80 per




Professor Datuk Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS/NATION



Empty beds are seen at the Low-Risk Covid-19 Quarantine and Treatment Centre at the Malaysia Agricultural Expo Park in Serdang yesterday. PIC COURTESY OF READER

cent of Selangor's population."

Along with Malaysia's inaccurate population denominator to determine the country's vaccination coverage, other factors, including the Delta variant, the Jan 13 directive to reduce contact tracing, and a "half-baked" lockdown that did not target the hotspots of transmission, had all led to current Covid-19 situation, he added.

He believed states like Kedah, Penang, Kelantan, Melaka, Johor and Sabah needed to accelerate their vaccination drives promptly, with the seven-day mortality rate appeared to be rising in Johor, Penang, Kedah and Sabah.

Dr Vinod R.M.T. Balasubramaniam, molecular virologist and senior lecturer (microbiology) at Jeffrey Cheah School of Medicine and Health Sciences at Monash University Malaysia, said the surge in new cases was contributed by sporadic infections, including from asymptomatic cases.

He said nearly 70 per cent of Covid-19 infections in Malaysia this year were sporadic, with the majority of the infections coming from the Klang Valley.

"The Klang Valley has a high-density population, and the people are not only exposed to sporadic cases in the community, but also from asymptomatic cases. The virus is among us and we don't know who has it," he said.

"Other states with a high density population, like Penang, are also seeing a similar trend."

Dr Vinod said the dominant Delta variant had led to a rise in

new and "breakthrough" infections in vaccinated individuals, with some indication that the variant could also result in more severe diseases.

On the high number of daily reported deaths, he said this could be contributed by the rise of BID cases and Categories 4 and 5 patients who were previously in Intensive Care Units.

"One factor contributing to the high BIDs, which also involve migrant workers, is due to people's lack of awareness on identifying symptoms while self-isolating at home. Inaccessibility to emergency medical services is another factor to the rising BIDs."

Dr Vinod said emergency services should be made available to Categories 1 and 2 patients at home, especially when they exhibit severe symptoms.

On why Selangor was not showing signs of improvement, he said this could be due to the rise of the Delta variant that was infecting those who had been fully vaccinated as well.

"The problem is when those vaccinated may have some false sense security that they are already safe and therefore fail to adhere to the standard operating procedures."

He called on the authorities to increase mass testing nationwide with at least 300,000 tests a day, improve the existing healthcare facilities and capabilities, use targeted testing and lockdowns at high-risk areas and enforce mandatory vaccinations to curb vaccine hesitancy.

Manipal University College Malaysia Community and Occupational Medicine Professor Dr G. Jayakumar said many BID victims were unable to recognise the danger signs or failed to get tested early.

"The ministry's data on Aug 25 indicated that only 1.1 per cent of the total number of cases were from Categories 4 and 5, with the majority yet to complete their vaccination," he said.

"Vaccination is an effective preventive strategy when complemented with other preventive measures."

He also believed that a big chunk of the vulnerable population, like migrant workers and undocumented foreigners, were missed out when vaccination data was reported and this needed to be scrutinised critically.

Malaysian Public Health Physicians Association president Datuk Dr Zainal Ariffin Omar said the high number of Covid-19 deaths could be due to patients not getting medical attention or were late in getting the hospital care for various reasons.

"At the hospital, patients may not be getting proper care due to overcrowding, or they could be getting the care but the conditions worsened for various reasons."

"According to statistics, most BIDs are foreigners (migrant workers). So we need to identify if factors, including poor health monitoring skills, poor living conditions and inability to access hospital care, which could involve other issues such as fees and access to transportation, contributed to the data we see," he said.

"The Greater Klang Valley Special Task Force needs to come up with a detailed analysis of their strategies and achievements."

## Malaysia records 22,597 new Covid-19 cases

**KUALA LUMPUR:** Malaysia's daily Covid-19 cases remain above the 20,000 mark with the Health Ministry recording 22,597 new infections yesterday.

Yesterday's figure was a slight increase from Friday's 22,070.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Selangor continued to log the highest number of cases in the country with 5,814, followed by Sabah with 2,834.

Other states that recorded four-digit cases were Sarawak with 2,427, followed by Kedah (2,162), Penang (1,920), Johor (1,896), Kuala Lumpur (1,111), Kelantan (1,289) and Perak (1,061).

Terengganu recorded 739 cases, Pahang 579, Negri Sembilan 345, Melaka 269, Perlis 98, Putrajaya 48 and Labuan five.

This brought the total number of Covid-19 cases nationwide to 1,685,510.

From the new cases, 2.1 per cent, or 468 cases, were in categories 3, 4 dan 5, and 78.8 per cent of them had yet to be vaccinated.

There were also 986 patients in intensive care units, with 451 requiring breathing aid, said Dr Noor Hisham.

A total of 252 deaths were reported yesterday, involving 32 brought-in-dead cases.

Dr Noor Hisham also said 19,492 recoveries were reported yesterday, bringing the total number of recoveries to 1,401,160.

A total of 36 new clusters were recorded, with 23 being workplace clusters, 12 community-based clusters and one linked to high-risk groups.

Meanwhile, a two-week Enhanced Movement Control Order

(EMCO) will be enforced at seven more localities in Sabah and Pahang starting tomorrow.

National Security Council (NSC) director-general Datuk Rodzi Md Saad said the new EMCO zones comprised four localities in Putatan, Sabah, and three others in Jerantut, Pahang.

The four localities in Sabah were Taman Ketiau, Platinum Apartment, Taman Teluk Villa and the Taman Sri Serigai People's Housing Project.

The localities in Pahang were Kampung Batu Balai, Kampung Congo and Kampung Perlok.

"The same EMCO standard operating procedures will be implemented in the affected areas and will be enforced until Sept 12," said Rodzi.

He said the authorities also extended the EMCO at Kampung Tuhau in Matunggong, Kudat, Sabah, until Sept 12.

Rodzi said the NSC had decided to end the EMCO at 10 localities in Sabah and Pahang tomorrow.

The localities in Sabah were Kampung Sungai Pukul and Kampung Muhibbah Raya in Tawau; Kampung Paka Kawiyan and Kampung Matupang in Ranau; Perumahan Ladang Excellent Challenger 2 in Beluran; Blocks G, H, K and L of Megalog and Kawasan Perbandaran Donggongon Fasa 2 in Penampang; and Kampung Sembirai Lebak Engad in Kota Belud.

"The remaining localities in Pahang where the EMCO will end are Kampung Orang Asli Terisu in Cameron Highlands and Kampung Seberang Sungai Ular in Kuantan."



Dr Vinod RMT Balasubramaniam



A policeman inspecting a vehicle at a roadblock at the entrance to Kampung Orang Asli Kuala Masai, which has been placed under the Enhanced Movement Control Order, in Johor Baru on Wednesday.

BERNAMA PIC



AKHBAR : SUNDAY STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Covid-19 Current situation		Malaysia: New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered	VACCINATED IN MALAYSIA		TOTAL DOSES ADMINISTERED	AT LEAST ONE DOSE	FULLY VACCINATED					
		22,597	1,685,510	15,802(+252)	1,401,160(+19,492)	As at 11:59pm Aug 27 (Daily figures in brackets)		33,388,102 (343,900)	19,090,140 (141,492)	14,297,962 (202,408)					
Perlis	Kedah	Penang	Perak	Selangor	Kelantan	Terengganu	Pahang	N. Sembilan	Melaka	Johor	Sabah	Sarawak	FT K. Lumpur	FT Putrajaya	FT Labuan
+98	+2,162	+1,920	+1,061	+5,814	+1,289	+739	+579	+345	+269	+1,896	+2,834	+2,427	+1,111	+48	+5

# Slight increase in new cases

98% are mostly asymptomatic as cumulative total crosses 1.68 million

**PETALING JAYA:** Malaysia recorded 22,597 new Covid-19 cases, a slight increase from the 22,070 infections a day before.

This brings the country's cumulative total to 1,685,510.

Most cases (97.9%) were asymptomatic or had mild symptoms (Categories One and Two), while 2.1% had more severe symptoms namely, those in Categories Three, Four and Five.

"Most or 76.8% of the total cases (17,345 infections) involved those who have yet to be vaccinated or have yet to complete their inoculation," said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah in a statement yesterday.

Yesterday's new infections bring the current number of active Covid-19 cases in the country to 268,548.

There was a drop in deaths from 339 on Friday to 252 fatalities yesterday.

The current death toll from Covid-19 stands at 15,802.

Several states recorded spikes in cases including Perlis, rising from 76 on Friday to 98 yesterday, and Sarawak which saw an increase from 2,224 on Friday to 2,427 yesterday.

Kuala Lumpur recorded a spike from 1,068 cases on Friday to 1,111 yesterday.

While Selangor continues to top the list of cases, the state logged fewer cases - from 5,920 on Friday to 5,814 yesterday.

There were 19,492 recoveries, bringing the total cumulative number to 1,401,160 or a recovery rate of 83.13%.

Some 986 cases are being treated in intensive care units, with 451 requiring ventilator support.

"Based on the latest data on Friday (Aug 27), the infectivity rate of Malaysia (Rt) is now at 1.01.

"Sarawak recorded the highest Rt value at 1.23, followed by Perlis at 1.21 and Sabah at 1.18.

"Six states had Rt values lower

than 1.0, namely Melaka, Selangor, Kuala Lumpur, Negri Sembilan, Putrajaya and Labuan," he said.

The Rt value refers to the average number of people that a person who has the coronavirus has infected.

On another matter, Dr Noor Hisham said applications to undergo home quarantine by travellers entering Malaysia through Johor would be processed by the state health department.

"Due to the high number of travellers going through the Johor international entry point, such applications will be processed by the Johor health department.

"All applications must be sent to [cprcknj@moh.gov.my](mailto:cprcknj@moh.gov.my) at least seven days prior to the travellers' arrival in Malaysia," he added.

Watch the video [TheStarTV.com](https://www.thestar.com.my)

## New cases by category for Aug 28

TOTAL CASES 22,597

<b>Category 1</b>	<b>10,605 cases</b>
Asymptomatic (no symptoms)	47.0%
<b>Category 2</b>	<b>11,524 cases</b>
Mild symptoms	51.0%
<b>Category 3</b>	<b>226 cases</b>
Pneumonia (inflammation of the lungs)	1.0%
<b>Category 4</b>	<b>101 cases</b>
Pneumonia and require oxygen	0.4%
<b>Category 5</b>	<b>141 cases</b>
Pneumonia and need ventilator support	0.6%

Source: Health Ministry

TheStar graphics

# Pfizer doses sent from Kuching to ease Sabah shortage

By MUGUNTAN VANAR  
vmugu@thestar.com.my

**KOTA KINABALU:** A supply of 94,500 doses of Pfizer-BioNTech vaccine is expected to arrive in Sabah soon to ease shortages that forced rescheduling of the second dose for recipients since Friday.

State Covid-19 spokesman Datuk Seri Masidi Manjun said that the Pfizer vaccines were expected to arrive here from Kuching in a few days.

"It was supposed to arrive yesterday (Friday) but the Air Force aircraft had some mechanical problem and alternative transport is now being arranged," he said yesterday.

On Friday, many who turned up at the vaccination centre (PPV) in the Sabah International Convention Centre (SICC) for their second dose of the Pfizer vaccine had their appointments rescheduled.

A notice stating that the Pfizer second jab appointments scheduled from Aug 28 to Sept 2, have now been rescheduled for Sept 3 to Sept 10.

The SICC PPV, one of the largest in the state, operates from 8am to 5pm daily.

He also said it would be up to the state Health Department to decide on the continuation of the second dose vaccination that was disrupted.

Masidi said Sabah received 515,150 vaccine doses - Pfizer (351,150 doses), Sinovac (70,000 doses) and CanSino (94,000 doses) - over the past week.


Health authorities have begun administering the single dose CanSino vaccines to people in far-flung islands following a spike in Covid-19 cases in the state.

Saturday's report showed a drop in the number of positive cases recorded on Friday from 3,010 cases to 2,834.

He said 61% or 1,751 cases detected on Saturday were from direct contact, while 27.5% or 778 cases were from symptomatic screening.

Masidi said Kota Kinabalu recorded 603 cases and its neighbouring Penampang district recorded 396 cases, a third of the new cases in the state.

He said there were two new clusters, one involving a wedding ceremony in interior Nabawan that infected 66 people and another work place cluster in Kinabatangan district that infected 67 people to date.



**Doing their part:** Islanders at Pulau Mantanani in Sabah's north-western Kota Belud district waiting to receive the single dose of the CanSino vaccine.

## Delta is dominant variant

**KUCHING:** The infectious Delta variant has been identified as the dominant Covid-19 strain in Sarawak currently, according to the latest report by Universiti Malaysia Sarawak's Institute of Health and Community Medicine (IHCM).

IHCM director Prof Dr David Perera said 178 more Delta variant cases were detected out of 220 cases sequenced by the institute as at Aug 17.

This represents a detection rate of 81% for the Delta variant, a rise from 73% reported on Aug 10.

"There was also one case of the recently described Indonesian variant of interest (B.1.466.2), which was detected in Bintulu," he said in a statement yesterday.

In Kuching division, 68 out of 69 cases sequenced were of the Delta variant.

Samarahan and Serian divisions also had high detection rates of 93% (38 out of 41 cases sequenced) and 95% (16 out of 17 cases) respectively.

"In addition, sharp increases in the Delta variant were observed in Bintulu with 84% (20 out of 24 cases), Miri with 65% (nine out of 14 cases) and Sibul with 60% (16 out of 27 cases).

"The same variant has also been detected in Mukah at a rate of 78%, or seven out of nine cases sequenced," Dr Perera said, adding that the variant was also detected in one case in Sarikei and two cases in Betong.

**Editor's pick**

I got it through sex

> StarHealth pg5

## 43% fully vaccinated

**PETALING JAYA:** More than 43% of the total population have been fully vaccinated as of Friday.

According to data shared by the Special Committee for Ensuring Access to Covid-19 Vaccine Supply (JKJAV) on Twitter, a total of 33,388,102 doses have been administered so far.

This comprises 19,090,140 people (58.5%) having received at least one dose, and 14,297,962 (43.8%) being fully vaccinated.

The percentage of vaccination for the adult population is at 81.5% for the first dose, and 61.1% for the second dose.

JKJAV said a total of 343,900 Covid-19 vaccine doses were administered on Friday, of which 141,492 people received their first dose while 202,408 received their second.

Johor has the highest first dose administered at 27,776, followed by Perak (23,782), Kedah (20,152), and Sabah (17,416).

On those who have received both doses, Selangor recorded the highest at 33,260, followed by Johor (30,690), Sabah (30,297), Kuala Lumpur (18,661), Pahang (17,851), Penang (14,544), Perak (13,968), Melaka (13,146) and Kedah (12,378).